



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

---

**SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2022 PERINGKAT  
JABATAN ALAM SEKITAR DI SUNGAI KIM KIM, PASIR GUDANG**

1. **26 MAC 2022, PASIR GUDANG** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengadakan Sambutan Hari Air Sedunia 2022 Peringkat Jabatan Alam Sekitar di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor. Program ini diadakan dengan mematuhi SOP COVID-19 yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac setiap tahun bertujuan untuk memperbaharui tekad dan azam serta memberi fokus kepada kepentingan sumber air selain usaha mempelopori pembangunan sumber air secara mampan.
2. Tema tahun ini adalah *Groundwater: Making the invisible visible*, atau melestarikan sumber air: Memanfaatkan air bawah tanah. Tema ini merupakan satu tanda komitmen yang menunjukkan bahawa air bawah tanah mempunyai kepentingan yang perlu dilihat dan dijaga walaupun ianya tersembunyi dari penglihatan kita. JAS telah mengambil inisiatif proaktif dengan membina 120 stesen pengawasan kualiti air tanah atau telaga di seluruh negara melalui Program Pengawasan Kualiti Air Tanah bermula pada tahun 1997 sehingga kini. Pembinaannya adalah untuk memantau kualiti air tanah di seluruh negara dan dibina di kawasan kritikal yang berpotensi menyebabkan pencemaran air tanah mengikut kategori guna tanah semasa di kawasan tersebut.
3. Stesen pengawasan kualiti air tanah di BERNAS, Johor adalah salah satu daripada 7 buah stesen pengawasan kualiti air tanah di Negeri Johor. Stesen ini dibina pada tahun 1997 bagi memantau impak aktiviti guna tanah perindustrian. Setiap tahun sebanyak 4 persampelan kualiti air tanah dilaksanakan di setiap stesen pengawasan air tanah oleh JAS Negeri Johor untuk dianalisa. Keputusan analisa air tanah ini akan dibandingkan dengan

had piawai mengikut Standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan yang dibentuk bersama Indeks Kualiti Air Tanah Malaysia (IKAT) bermula pada tahun 2017. Penilaian kualiti melalui indeks ini akan digunakan oleh pihak berkepentingan untuk menilai kesesuaian air tanah untuk kegunaan khusus seperti kegunaan untuk bekalan minuman, pertanian dan perindustrian.

4. Sempena sambutan Hari Air Sedunia ini, Rakan Alam Sekitar (RAS) turut terlibat dengan beberapa program seperti pembersihan sungai, kutip sampah sambil riadah atau Kudah di Bera, Pahang yang turut melibatkan golongan institusi pendidikan dan juga komuniti. Selain itu, pada hari ini RAS turut melaksanakan aktiviti pembersihan pantai di Pantai Batu Laut, Selangor. Sebanyak 51 kg sampah berjaya dikumpulkan dalam program Kudah di Sungai Kim Kim pagi tadi.
5. Manakala pihak UTHM telah mengadakan 'Program Penggunaan Makroinvertebrata Untuk Penganggaran Kualiti Air Sungai Di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor' pada hari ini. Program ini adalah lanjutan dari program "*Conserve the Nature, Love the River*" yang mensasarkan kelestarian Sungai Kim Kim. Ia dijalankan bersama guru-guru sekolah di daerah Pasir Gudang untuk mendedahkan mereka dengan kaedah Purata Skor Taxon (ASPT) bagi mengetahui samada air sungai itu selamat atau tidak melalui makroinvertebrata yang hidup di dalamnya.
6. Program di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang ini diserikan dengan kehadiran En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dr Nor Amani Filzah Binti Mohd Kamil, Penyarah UTHM dan penyelidik utama Pusat Micropollutant Research Centre (MPRC), UTHM, pensyarah dan pelajar-pelajar UTHM , guru-guru sekolah di Pasir Gudang, pegawai JAS ibu pejabat dan JAS Negeri Johor serta wakil dari pihak industri di Pasir Gudang. JAS mengucapkan terima kasih atas kerjasama pihak UTHM melalui Pusat Micropollutant Research Center dan U4S atas komitmen bersama JAS pada hari ini dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan menjaga alam sekitar. Diharapkan perkongsian strategik ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan dijadikan contoh oleh IPT lain ke arah generasi muda yang cakna terhadap kelestarian alam sekitar.

**WAN ABDUL LATIF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar,  
Dikeluarkan pada 26 Mac 2022